



**PERNYATAAN KOMITMEN DI BAWAH GENEVA CALL
UNTUK PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK
DARIPADA KESAN KONFLIK BERSENJATA**

KAMI, **Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani**, melalui wakil (-wakil) kami yang sah,

Setelah *mempertimbangkan* tentang bahaya dan kesan yang berpanjangan daripada konflik bersenjata terhadap perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak, di samping kesan yang berpanjangan terhadap keselamatan manusia, perdamaian yang berkekalan dan pembangunan;

Menegaskan kesungguhan kami untuk melindungi orang awam, khususnya kanak-kanak daripada kesan atau bahaya daripada tindakan ketenteraan, dan untuk menghormati hak mereka untuk hidup, hak bermaruah sebagai manusia, hak untuk pendidikan dan hak untuk pembangunan, dengan mengambil perhatian yang khusus bahawa kanak-kanak sebagai pertimbangan yang utama;

Mengakui bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan angkatan bersenjata adalah sangat terdedah kepada risiko serangan daripada angkatan bersenjata pihak lawan;

Mengambil kira kepada beberapa piawaian yang terkandung dalam undang-undang antarabangsa yang menyediakan perlindungan istimewa kepada kanak-kanak yang terjejas akibat konflik bersenjata, terutamanya Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan mereka, dan Konvensyen Hak-hak Asasi Kanak-Kanak dan Protokol Pilihan Tentang Keterlibatan Kanak-kanak dalam Konflik Bersenjata, dan bertekad untuk menyatakan tanggungjawab kami dalam pengambilan dan penggunaan mereka yang berumur di bawah 18 tahun dalam pertempuran;

Mengambil berat bahawa undang-undang Mahkamah Jenayah Antarabangsa menganggap adalah satu jenayah bagi perbuatan mengerah atau memasukkan kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun ke dalam angkatan atau kumpulan bersenjata atau menggunakan mereka untuk terlibat secara aktif dalam pertempuran;

Menolak anggapan bahawa sebarang tujuan, walau dengan apa-apa alasan sekalipun, dapat menjustifikasikan layanan yang tidak wajar terhadap kanak-kanak dalam konflik bersenjata;

Menerima bahawa norma kemanusiaan antarabangsa melibatkan (mewajibkan) dan mengaplikasikan semua pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata;

Menegaskan bahawa komitmen ini melindungi semua kanak-kanak, sama ada perempuan atau lelaki;

Dan memahami bahawa tujuan Pernyataan Komitmen ini:

“kanak-kanak” ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di bawah 18 tahun dan jika terdapat sebarang keraguan adakah mereka telah sampai umur 18 tahun atau tidak, dia (lelaki/perempuan) dianggap sebagai kanak-kanak;

DENGAN INI, kami dengan rasa bersungguh-sungguh menyatakan kesanggupan kami untuk memenuhi terma-terma berikut:

1. UNTUK BERPEGANG kepada larangan mutlak terhadap penggunaan kanak-kanak dalam peperangan.
2. UNTUK MEMASTIKAN kanak-kanak tidak direkrut dalam angkatan bersenjata kami, sama ada secara sukarela atau tidak. Kanak-kanak tidak akan dibenarkan untuk menyertai atau menganggotai angkatan bersenjata kami.
3. TIDAK AKAN MEMAKSA kanak-kanak untuk terlibat bersama atau mengekalkan mereka dalam angkatan bersenjata kami. Keterlibatan yang kami maksudkan ialah mana-mana jenis sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada yang berkaitan dengan pertempuran, atau lain-lain. Jika kanak-kanak telah dipaksa untuk berbuat demikian, mereka akan dilepaskan secepat mungkin sesuai dengan Artikel 6, *Pernyataan Komitmen* ini.
4. UNTUK MEMASTIKAN kanak-kanak tidak menyertai angkatan bersenjata kami semasa operasi ketenteraan dan mengambil semua tindakan yang sebolehnya supaya kanak-kanak yang berada dalam kawasan kawalan kami, tiada semasa operasi ketenteraan dijalankan.
5. UNTUK MELAYAN kanak-kanak yang ditahan atau dipenjarakan kerana sebab-sebab yang berkaitan dengan konflik ketenteraan secara berperi kemanusiaan, sesuai dengan keperluan tertentu mengikut umur dan jantina. Kami memperakui bahawa membataskan kebebasan hanyalah sebagai jalan terakhir dan hanya untuk sesingkat masa yang mungkin. Hukuman mati tidak akan dijatuhkan atau dijalankan sama sekali terhadap seseorang atas sebarang kesalahan yang dilakukannya ketika masih kanak-kanak.
6. Perlepasan atau pemisahan kanak-kanak daripada angkatan bersenjata kami akan dilakukan dengan aman dan secara selamat dimana apabila perlu, bekerjasama dengan pihak yang mempunyai kepakaran dalam perlindungan kanak-kanak.
7. BERUSAHA SETERUSNYA UNTUK MENYEDIAKAN kanak-kanak yang dalam kawasan penguasaan kami, dengan bantuan dan pertolongan yang mereka perlukan, dengan kerjasama dengan mana-mana badan kemanusiaan atau pembangunan yang sesuai. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, termasuk perkara lain, kami akan:
 - (i) Mengambil tindakan yang konkrit untuk memastikan supaya kanak-kanak mendapat akses makanan yang cukup, penjagaan kesihatan (termasuklah bantuan psiko-sosial), pendidikan dan jika mampu, aktiviti santai dan kebudayaan.



- (ii) Melindungi kanak-kanak daripada keganasan seksual dan sebarang keganasan dalam bentuk yang lain.
 - (iii) Memudahkan peruntukan bantuan kemanusiaan secara adil kepada kanak-kanak yang memerlukan.
 - (iv) Memudahkan usaha-usaha pihak badan kemanusiaan yang adil untuk menyatukan kembali kanak-kanak dengan keluarga mereka yang terpisah.
 - (v) Mengelakkan daripada menggunakan sekolah-sekolah atau tempat-tempat yang lazimnya digunakan oleh kanak-kanak untuk tujuan ketenteraan.
8. MENGELUARKAN perintah dan arahan yang perlu kepada bahagian politik dan ketenteraan kami, para komander dan para pejuang kami dalam pelaksanaan dan penguat kuasa komitmen kami, termasuklah tindakan yang perlu untuk penyebaran maklumat dan latihan. Para komander dan mereka yang berada pada peringkat tinggi bertanggungjawab kepada orang bawahannya. Jika sebarang pelanggaran terhadap komitmen ini berlaku, kami akan mengambil tindakan yang perlu dengan segera untuk menghentikan pelanggaran tersebut, memulakan penyiasatan yang sewajarnya dan mengenakan hukuman yang selari dengan piawaian antarabangsa.
9. MENGIZINKAN DAN MENGHULURKAN KERJASAMA dalam pemantauan dan pengesahan terhadap komitmen ini oleh Geneva Call dan badan bebas antarabangsa dan nasional lain yang bersama-sama dengan Geneva Call untuk tujuan ini. Pemantauan dan pengesahan tersebut termasuklah lawatan-lawatan dan pemeriksaan-pemeriksaan di semua kawasan kami beroperasi dan penyediaan maklumat dan laporan yang perlu, yang mungkin diminta untuk tujuan ini, demi ketelusan dan rasa tanggungjawab.
10. MENGANGGAP komitmen ini sebagai satu langkah atau sebahagian daripada komitmen secara prinsipnya untuk norma kemanusiaan yang ideal yang lebih luas, khususnya undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan hak asasi manusia dan untuk menghormati norma-norma tersebut dipraktikkan dan juga kepada perkembangan seterusnya dalam perkara norma kemanusiaan dalam konflik bersenjata.
11. *Pernyataan Komitmen* ini tidak mempengaruhi status perundangan kami, menurut klausa yang relevan dalam artikel umum 3 dalam Konvensyen Geneva pada 12 Ogos 1949.
12. Kami memahami bahawa Geneva Call mungkin akan menyiarkan kepatuhan atau keengganan kami terhadap *Pernyataan Komitmen* ini.
13. Kami menyeru kepada angkatan bersenjata yang lain tentang peri pentingnya mematuhi *Pernyataan Komitmen* ini dan akan berusaha untuk mempromosikannya.
14. *Pernyataan Komitmen* ini melengkapkan atau menggantikan, sekiranya ada, mana-mana pengisytiharan kami yang sedia ada tentang kanak-kanak dan konflik bersenjata.
15. Sebarang reservasi terhadap *Pernyataan Komitmen* ini haruslah konsisten dengan objektif dan matlamatnya, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan kewajipan minimum pihak negara mengikut Protokol Pilihan kepada Konvensyen Hak Kanak-



Kanak tentang penglibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata. Ini harus dinyatakan secara bertulis dengan ditandatangani dan akan dikaji semula dari semasa ke semasa dalam usaha mencapai matlamat untuk hak kanak-kanak dihormati sebaik mungkin. Geneva Call akan bertindak sebagai pemutus terakhir tentang keizinan untuk sebarang reservasi.

16. *Pernyataan Komitmen* ini akan segera berkuat kuasa dengan adanya proses tanda tangan dan penerimaan oleh Kerajaan Republik dan Kanton Geneva sebagai penjaga Pernyataan-penyataan tersebut.

Ditandatangani pada 15 Januari, 2020

Bagi pihak **BARISAN REVOLUSI NASIONAL MELAYU PATANI (BRN)**

ZAID BIN FADHIL
Ahli Dewan Penglima



ANAS HAMKA BIN HJ ABD RAHMAN
Ahli Dewan Politik

Bagi pihak **GENEVA CALL**

ALAIN DÉLÉTROZ
Ketua Pengarah



Bagi pihak **KERAJAAN REPUBLIK DAN KANTON GENEVA**

MICHELE RIGHETTI
Chancelière d'Etat

